

# **PENDIDIKAN BAHASA ARAB DI PERINGKAT PRASEKOLAH: SATU TINJAUAN AWAL**

Awatif Abdul Rahman<sup>1</sup>

Siti Nurhajariah Md Isa

Norfaezah Mohd Hamidin

Idi Hamdi

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## **ABSTRAK**

*Pendidikan adalah tunjang kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Bahasa Arab ialah merupakan satu bahasa yang telah berjaya meletakkan dirinya di dunia antarabangsa selari dengan perkembangan Islam. Pengajaran bahasa Arab berkembang melalui pelbagai dimensi yang berbeza. Selari dengan perkembangan peringkat dan tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang telah mula digubal kurikulumnya seawal tahun 1977, kajian ini meninjau peringkat permulaan p&p ini bermula di peringkat prasekolah. Antara objektif kurikulum standard prasekolah kebangsaan adalah menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan. Justeru, kajian berbentuk tinjauan kepustakaan ini dijalankan berdasarkan pengumpulan maklumat melalui sumber-sumber buku,jurnal dan monograf berkaitan. Hasil tinjauan awal mendapatkan sistem pendidikan di Malaysia telah menggariskan beberapa objektif umum dan khusus dalam pengajaran bahasa Arab. Kedudukan pelaksanaan p&p bahasa Arab juga mendapat tempat di setiap peringkat pengajaran termasuk prasekolah. Berteraskan objektif pendidikan bahasa Arab yang didasari oleh teori pemerolehan bahasa kedua di peringkat prasekolah dapat menjamin kelangsungan pendidikan bahasa Arab sesuai dengan tahap dan peringkat pengajaran.*

**Kata Kunci:** Pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran, Bahasa Arab & Prasekolah

## **PENGENALAN PENDIDIKAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA**

Bahasa dianggap sebagai salah satu keistimewaan yang dianugerahi oleh Allah Taala kepada manusia untuk membezakan daripada makhluk lain. Manusia mampu menggunakan bahasa samada untuk bercakap atau menulis untuk mencapai komunikasi dan perhubungan dengan sesuatu bangsa walau berbeza persekitarannya. Bahasa manusia juga mempunyai dua asas utama iaitu bahasa sebutan atau penulisan dan bahasa bukan sebutan iaitu melalui gerakan, isyarat dan rima. (Al-Hafiz Abd Rahim, 2006).

Bahasa ialah alat komunikasi terbaik antara manusia. Dalam konteks Malaysia, bahasa Arab telah menjadi sebagai salah satu bahasa asing diajar kepada bukan penutur jati.Bahasa Arab ialah merupakan satu bahasa yang telah berjaya meletakkan dirinya di dunia antarabangsa selari dengan perkembangan Islam. Pengajaran bahasa Arab telah bermula di Malaysia sejak dari kedatangan Islam secara tidak rasmi. Tujuannya adalah

---

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan, Pusat Pengajaran Teras, KUIS. awatif@kuis.edu.my

untuk memahami pengajaran Islam dan melaksanakan ibadahnya khususnya dalam mempelajari bacaan al-Quran.

Pada peringkat permulaan, Bahasa Arab sebagai bahasa perhubungan dan komunikasi melalui hubungan antara pedagang Arab dan masyarakat tempatan. Selepas kedatangan Islam, Bahasa Arab berkembang sebagai bahasa kepada agama Islam iaitu untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah. Untuk menjamin kelangsungan peranan dan fungsi Bahasa Arab, Bahasa Arab telah mendapat tempat di pusat pengajian Islam seperti pondok dan madrasah. Pembelajaran Bahasa Arab tidak berhenti di tahap itu sahaja, bahkan berkembang dan telah diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan juga Institut Pengajian Tinggi. Akta Pendidikan 1996 telah menjelaskan status bahasa Arab di Malaysia sebagai salah satu bahasa asing bersama dengan bahasa Jepun, Jerman, atau Perancis yang boleh ditawarkan di sekolah-sekolah jika didapati munasabah dan praktik untuk berbuat sedemikian (JAPIM, 2002). Oleh itu, mana-mana sekolah yang mempunyai kemampuan dari segi personal dan prasana pengajaran dan pembelajaran adalah layak untuk menawarkan kursus bahasa Arab. Disamping itu, menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dikategorikan sebagai Mata Pelajaran Tambahan, dan Bahasa Arab Tinggi (BAT) pula diletakkan sebagai Mata Pelajaran Elektif dalam Kumpulan Kemanusiaan (JAPIM 2002). Ini bererti para pelajar tidak diwajibkan mengambilnya dan tidak diwajibkan lulus dalam peperiksaan. Melalui sistem pendidikan kerajaan, kursus bahasa Arab telah ditawarkan di empat jenis institusi:

1. Kementerian Pelajaran menawarkan kursus tersebut di sekolah-sekolah menengah yang meliputi sekolah berasrama penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA - mulai 1977), beberapa sekolah menengah biasa melalui Kelas Aliran Agama (KAA - mulai 1988) dan kini di sekolah-sekolah rendah.
2. Pentadbiran Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam menawarkan kursus Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Rendah Arab Bersepadu (SRAB).
3. Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang menerima bantuan dari Yayasan, Pejabat Zakat dan Majlis Agama Islam.
4. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sarna ada universiti atau kolej yang mendapat kuasa "autonorni" dari Kementerian Pengajian Tinggi.

Sesetengah Sekolah Menengah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat telah pun didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ia merupakan satu usaha kerajaan untuk membantu dan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia. Rancangan ini pernah dicadangkan pada tahun 2002 oleh YB Menteri Pelajaran, dan dicadangkan semula oleh Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004. SABK diwujudkan dengan tujuan untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber manusia, serta prasarana dan kemudahan. Sekolah-sekolah tersebut ditadbir oleh KPM dan menerima pelbagai kemudahan. Manakala pemilikan tanah dan bangunan serta kurikulum agama negeri masih dikekalkan (JAPIM, 2007a).

Selain itu, terdapat beberapa institusi lain yang menawarkan kursus bahasa Arab. Institusi tersebut seperti Maktab Rendah Sains Mara, sekolah-sekolah swasta, madrasah dan pondok. Pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak seperti Taman Asuhan Kanak-kanak

Islam dan Pusat Asuhan Tunas Islam juga mula menawarkan kursus bahasa Arab di peringkat prasekolah (Dangiran, 2004). Di samping itu, pertubuhan, masjid dan seumpamanya turut mengajurkan kursus bahasa Arab untuk orang ramai.

Kurikulum Bahasa Arab telah digubal secara rasmi mulai 1 Januari 1977 dengan pengambilan sebelas buah sekolah menengah agama kerajaan negeri daripada pentadbiran Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAPIM, 2002). Selain itu, Kementerian Pelajaran juga turut membina sekolah-sekolah menengah agama yang baru dan diberi nama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Sehingga kini terdapat lebih 56 buah SMKA di seluruh negara. Ini diikuti dengan pembukaan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah-sekolah menengah kebangsaan harian pada tahun 1988. Kini terdapat lebih 400 buah sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan KAA.

Pada tahun 1981, Bahagian Pendidikan Islam (dulunya JAPIM) telah menyediakan dua Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Arab; satu SP telah digunakan di semua SMKA dan satu lagi digunakan di SBP terpilih. Kandungan SP tersebut lebih mengutamakan penguasaan morfologi dan sintaksis dengan harapan utama untuk membolehkan murid-rnurid memahami teks asas al-Qur'an dan al-Sunnah. Usaha memantapkan buku teks bahasa Arab dengan menggunakan pendekatan komunikatif telah dimulakan pada tahun 1986. Manakala buku panduan guru untuk buku teks tersebut pula mula ditulis pada tahun 1988. Proses penulisan buku-buku tersebut telah dilakukan di bawah pengawasan pakar-pakar bahasa Arab dari *The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization* (ISESCO).

Dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), maka Kurikulum Bahasa Arab turut digubal semula. Mulai tahun 1991, SP ini dilaksanakan di semua SMKA, KAA, dan SBP. Pada 12 Jun 1991, Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) telah mengubah nama mata pelajaran Bahasa Arab kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Selain itu, JKP juga telah meluluskan mata pelajaran baru iaitu Bahasa Arab Tinggi (BAT) untuk dilaksanakan mulai 1992.

Pada tahun 1999, SP dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi disemak semula untuk dilaksanakan mulai tahun 2003. Penyemakan semula yang berbentuk penyesuaian dan bukan rombakan kurikulum ini telah mengambil kira pemberatan kandungan kurikulum; keseimbangan antara akademik dan bukan akademik; keperluan peperiksaan setara dengan kurikulum; tidak terlalu ideologikal; penekanan kepada kreativiti, estetik, sains dan teknologi. Seterusnya pada tahun 2000, SP dan HSP Bahasa Arab Komunikasi (gubalan tahun 1989) dan SP Bahasa Arab Tinggi (gubalan tahun 1990) telah disemak dan digubal semula oleh Unit Bahasa Arab, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.

BAK yang ditawarkan di sekolah menengah bermatlamat kepada membolehkan murid menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dengan memberi perhatian kepada kemahiran bertutur, menguasai perbendaharaan kata, dan meningkatkan kepekaan mereka bagi menggunakan dengan tepat, serta meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai-nilai murni. Manakala BAT pula ditawarkan di peringkat menengah atas dengan matlamat memberi ruang untuk menghargai dan memartabatkan Bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an al-Karim dan

bahasa ilmu untuk menguasai maklumat, dan kemahiran berbahasa supaya dapat memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi serta mampu menggunakan dengan tepat di samping memperluaskan pengetahuan dan menikmati keindahan berbahasa.

Pelaksanaan kurikulum BAK untuk sekolah rendah di Malaysia adalah baru diperkenalkan berbanding dengan peringkat sekolah menengah. Pada tahun 1997 kurikulum BAKSK dilaksanakan secara projek rintis dengan melibatkan 97 buah sekolah terpilih di seluruh negara. Kemudian ia dilaksanakan secara rasmi pada tahun 1998. Sehingga 31 Disember 2002, sebanyak 910 buah sekolah telah mempunyai kelas bahasa Arab yang merangkumi 5,828 kelas dengan seramai 172,941 orang murid dan 779 orang guru (JAPIM 2003a, 2003b). Seterusnya pada tahun 2003, BAK telah dilaksanakan sepenuhnya di sekolah kebangsaan.

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia mempunyai masa depan yang cerah. Sebelum ini, status Bahasa Arab di sekolah rendah adalah sebagai mata pelajaran bahasa tambahan yang diajar secara terpilih dan terhad. Melalui Program Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) kesemua pelajar Islam berpeluang untuk mempelajari Bahasa al-Qur'an. Program j-QAF yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri pada akhir tahun 2003 ini telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2005 yang melibatkan sebanyak 1221 buah (dari keseluruhan 7634 buah) sekolah dengan 4861 buah kelas dan seramai 141 725 orang murid.

Pada tahun 2010 program tersebut akan melibatkan 100 peratus (7835 buah) sekolah dan melibatkan kesemua tahun persekolahan. Namun begitu, terdapat sebahagian negeri akan melaksanakan keseluruhan program j-QAF sebelum tarikh tersebut, iaitu antara tahun 2008 dan 2009 (JAPIM 2004, 2007b, 2007c). Meskipun bahasa Arab dilihat sebagai salah satu dari empat komponen j-QAF, namun ketiga-tiga komponen lain amat menyumbang ke arah pemerolehan bahasa. Al-Qur'an diajar dalam bahasa Arab, manakala pelajaran Jawi pula berkaitan dengan penulisan huruf Arab. Hal ini amat membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran-kemahiran bahasa. Fardhu Ain pula sedikit sebanyak dapat meningkatkan perbendaharaan kata bahasa Arab pelajar.

Senario di atas menunjukkan bahawa pendidikan bahasa Arab di Malaysia bukan sahaja mempunyai sejarah yang panjang dan kukuh berakar umbi di bumi Malaysia, malah ia mempunyai masa depan yang amat cerah dan menyakinkan. Kerajaan telah memainkan peranan yang sangat efektif dalam memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Manakala masyarakat Islam pula mempunyai minat dan kesedaran yang tinggi tentang kepentingan pembelajaran bahasa tersebut (Ernie Suliana Md Sharif & Zahiyah Abu Bakar 2005; Hassan Basri Awang Mat Dahan 2006; Norshidah Mohd Mohamad Salleh & Shamsina Shamsuddin 2006; Azhar Hj. Ahmad et al. 2008).

## **OBJEKTIF UMUM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah sebagai pembelajaran untuk bukan penutur yang mempunyai tiga objektif utama iaitu (Rushdi Ta' imah, 1986);

- i- Melatih pelajar bahasa Arab dengan kaedah yang dapat diperaktikkan oleh penutur bahasa;
  - Memastikan keupayaan pelajar untuk faham bahasa Arab ketika mendengarnya.
  - Memastikan keupayaan pelajar untuk menyebut dengan sebutan yang betul dan bercakap dengan penutur asal bahasa Arab.
  - Memastikan keupayaan pelajar untuk membaca penulisan-penulisan Arab dengan teliti dan faham.
- ii- Memberitahu kepada pelajar ciri-ciri dan keistimewaan bahasa Arab berbanding bahasa lain dari segi sebutan, kosa kata, gaya bahasa dan kefahaman.
- iii- Memperkenalkan kepada pelajar budaya Arab dengan mendedahkan ciri-ciri bangsa Arab, persekitaran dan masyarakat yang saling berhubungan dalam kehidupan mereka.

Maka, secara kesimpulannya, pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah bermaksud mengajar pelajar-pelajar bahasa, serta memperkenalkan tentang bahasa dan budayanya.

## **OBJEKTIF KHUSUS PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Adapun objektif khusus pembelajaran bahasa Arab lebih tertumpu kepada objektif sesuatu kurikulum itu digubal mengikut tahap dan peringkat pengajian.

Berdasarkan objektif pembelajaran bahasa Arab di atas menunjukkan bahawa pelaksanaan pembelajaran Bahasa Arab telah digariskan dengan tersusun dan teratur serta mempunyai hala tuju yang berpandu ke arah peningkatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

## **PENDIDIKAN PRASEKOLAH**

Pendidikan Prasekolah di Malaysia berkonsepkan program pendidikan tidak formal yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun sebagai persediaan sebelum masuk ke tahun satu di sistem persekolahan formal. Berikutnya Akta Pendidikan 1996, pendidikan prasekolah telah diinstitusikan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan matlamat untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah.

Peruntukan ini menunjukkan penumpuan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan prasekolah. 162. Selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya di dalam program prasekolah kerana pengalaman prasekolah bakal mencorakkan perkembangan kanak-kanak seterusnya.

Pendidikan prasekolah pada tahun 1990-an tidak banyak berbeza daripada pendidikan prasekolah pada tahun 60-an bahkan selalu menarik perhatian para ibu bapa, masyarakat mahupun pemerintah sebagai pengambil keputusan iaitu mereka menyedari bahawa kualiti

masa awal kanak-kanak termasuk prasekolah merupakan cermin kualiti bangsa pada masa akan datang.

Maka, berpandukan kepada pendidikan prasekolah ini, kanak-kanak diberi pendidikan yang berstruktur bagi memastikan perkembangan dan potensi mereka digilap dan lebih bersedia bagi memasuki alam persekolahan yang bersifat formal.

## **DASAR**

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ialah dasar yang komprehensif bagi memastikan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari lahir hingga 4 tahun. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Dasar ini adalah pengukuh serta pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada.

Penyataan Dasar ini penting memandangkan kanak-kanak merupakan kumpulan masyarakat yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan, ibu bapa, NGO dan pihak swasta supaya mereka dibesarkan mengikut acuan Malaysia ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan berperibadi mulia. Justeru semua pihak yang bertanggungjawab perlu menggembungkan tenaga, kepakaran dan sumber, menyediakan program, perkhidmatan, pendidikan dan latihan, perlindungan serta kemudahan-kemudahan yang dapat merangsang perkembangan positif kanak-kanak.

Oleh itu, dasar di atas jelas menjadi pegangan dalam pelaksanaan sistem pendidikan agar sesuatu sistem itu berjalan dengan tersusun dan teratur.

## **OBJEKTIF PENDIDIKAN PRASEKOLAH (PENDIDIKAN ISLAM )**

Standard dan Garis Panduan Kurikulum Standard Prasekolah (pindaan 2017) di bawah Tunjang Kerohanian,Sikap&Nilai meletakkan pembelajaran Pendidikan Islam di mana pembelajaran Bahasa Arab secara tidak langsung dengan objektif utamanya adalah;

1. Mengenal huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah.
2. Memahami asas beriman dan beribadah kepada Allah.
3. Mengenali sirah dan peribadi Rasulullah SAW serta berusaha mencontohnya.
4. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia dalam kehidupan.
5. Membaca suku kata dan menulis huruf jawi dengan betul.

Keseluruhan objektif pendidikan prasekolah ini memberi penekanan kepada penguasaan asas Al-Quran dan jawi , pembentukan akidah, pemupukan asas ibadah ,penyuburan adab dan akhlak serta pengenalan kepada sirah.

## **PEMEROLEHAN BAHASA KEDUA DI PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK**

Dalam pengajaran Bahasa Arab sebagai bagi bukan penutur jati, wujud dua situasi iaitu pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa.

Menurut Rushdi Ta'eimah (1986) yang dimaksudkan dengan pemerolehan bahasa ialah satu proses tanpa sedar yang berlaku. Kanak-kanak dikatakan yang paling cepat menerima pemerolehan Bahasa kerana pada mereka akan berlaku refleksi, peka pada sekeliling yang

menjadikan pembelajaran itu berlaku. Pemerolehan bahasa juga boleh dikatakan satu dapatan bahasa pada situasi semulajadi tanpa sedar dalam kalangan pelajar.

Manakala pembelajaran bahasa menunjukkan satu proses sedar yang berlaku ketika pembelajaran bahasa kedua samada peka dan tahu pada sistem tatabahasa dan mampu untuk berkomunikasi dengannya. Maka, bagi membezakan antara dua konsep ini, sebahagian pakar melihat bahawa pemerolehan bahasa satu proses yang berlaku khusus melibatkan kanak-kanak manakala pembelajaran bahasa satu proses yang berlaku khusus untuk dewasa.

Pemerolehan bahasa dikatakan bermula sejak bayi dilahirkan. Bayi mempelajari bahasa melalui konteks sosial sebelum mereka mula bercakap. Konteks sosial sangat penting untuk membantu bayi memahami dan mempelajari bahasa. Pemerolehan bahasa ini turut dipengaruhi oleh keupayaan motor bayi, khususnya yang melibatkan pengawalan mulut, lidah, bibir, vokal, tekak dan saluran suara. Selain itu, perkembangan bahasa pada bayi juga dipengaruhi oleh perkembangan neurologi otak manusia. Apabila otak semakin matang, maka seseorang itu akan berupaya menghasilkan bahasa yang lebih kompleks dan bermakna. (Zamri Mahamod, 2007).

## **PENUTUP**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, tinjauan awal menunjukkan pendidikan Bahasa Arab di Malaysia telah melalui sejarah yang panjang dan kukuh di atas tujuan yang asal dan utama untuk memahami pengajaran Islam dan melaksanakan ibadah khususnya dalam mempelajari Al-Quran. Bermula pelaksanaannya di sekolah menengah sehingga diperkenalkan di sekolah kebangsaan yang dibawa kepada peringkat pengajian tinggi. Kurikulum Bahasa Arab yang digubal seawal tahun 1977 telah menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang strategik daripada penggubal-penggubal dasar samada KPM, majlis agama Islam Negeri dan Institut Pengajian Tinggi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dapat diterima oleh setiap peringkat dan tahap pengajaran. Tambahan pula, guru-guru juga telah diberi latihan melaksanakan pengajaran yang dipantau oleh pakar-pakar Bahasa Arab dari The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO). Hasil daripada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di setiap peringkat pengajaran ini, lahirnya pakar-pakar dalam bidang bahasa Arab di Malaysia yang dapat memberi sumbangan dalam perkembangan bahasa Arab di Malaysia.

Melihat kepada kedudukan pendidikan di Malaysia mampu bersaing ke arah pendidikan abad ke-21, potensi generasi di Malaysia perlu digilap dengan positif. Untuk tujuan itu, dengan kepakaran yang ada dalam kalangan graduan-graduan pengkhususan samada Bahasa Arab mahupun Pendidikan Islam, dikukuhkan dengan latihan perguruan. Adalah diharapkan dapat sama-sama memberi sumbangan kepakaran, menyediakan program, perkhidmatan, pendidikan dan latihan perlindungan serta kemudahan-kemudahan yang dapat merangsang perkembangan positif kanak-kanak. Justeru, bagi memelihara potensi dan perkembangan kanak-kanak, bahasa Arab juga turut diperkenalkan di prasekolah. Berpandukan kepada objektif pembelajaran bahasa Arab dan pendidikan prasekolah, diharapkan perkembangan dan potensi pelajar di Malaysia dapat digilap dengan positif. Memandangkan bahasa Arab di Malaysia bukan dianggap sebagai bahasa pertama, bahkan dianggap sebagai bahasa kedua ataupun bahasa asing, penekanan perlu kepada konsep

pemerolehan bahasa kedua. Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar, konsep pemerolehan bahasa kedua di peringkat awal kanak-kanak perlu dikenalpasti dan diteliti bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat diterima dan diaplikasi mengikut kesesuaian tahap dan peringkat pengajian. Oleh itu, usaha ke arah melahirkan generasi yang dapat memacu perkembangan pendidikan di Malaysia boleh dilaksanakan sekiranya dasar pendidikan jelas, berobjektif dan bermatlamat demi menjamin kualiti pendidikan setanding dengan negara-negara maju di dunia.

## **RUJUKAN**

- Al-Hafiz Abd Rahim Al-Syeikh.(2006). *Mabadi' Ta'lim al-Lughah al-Arabiah Li Ghair Natiqin Biha Tathallu'at/Namazij/Tathbiqat*. 'Alam al-Kutub al-Hadis.Irbid Jordan.
- Dangiran Hj Mustapa (2004). *Memperkasakan Pendidikan Islam*. Kertas kerja Seminar Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardhu Ain- j-QAF Peringkat Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur, 3- 5 Mac.
- Ernie Suliana bt. Md Sharif, & Zahiyah bt. Abu Bakar, (2005). *Permasalahan pengajaran Bahasa Arab di sekolah menengah agama kerajaan di Terengganu: tinjauan terhadap persepsi guru pelatih program Diploma Bahasa Arab dengan Pendidikan KUSZA sesi Mei 2004*. Kertas Projek Diploma. Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2002). *Kertas dasar kurikulum semakan bahasa Arab komunikasi & bahasa Arab tinggi di sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2007a). *Status terkini dan penyelarasan tugas Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan*. Kertas kerja Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Antara Kementerian Pelajaran Malaysia Dan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Hotel Quality, Kuala Lumpur. 15 Mei 2007.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2007b). *Buku panduan dasar, pelaksanaan dan Pengurusan kurikulum dan kokurikulum program j-QAF*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2007c). *Buku panduan perlaksanaan model-model Pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum j-QAF tahun 2*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rusydi Ahmad Ta'imah. (1986). *Al-Marji' Fi T'lim al-Lughah-al-Arabiyyah Li Al-Natiqiin bi Lughatin Ukhra*. Jilid2: Jami'ah Ummul Qura: Maa'had al-Lughah.
- Zamri Mahamod. (2007). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama Dan Kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.